

Mahasiswa UMS jayakan Program Pasca UPSR di SK Tebobon

NST 27.11.2017 6

KOTA KINABALU: Seramai 42 pelajar Kursus Kokurikulum Pengurusan Organisasi Pelajar Seksyen 5, Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Program Pasca UPSR yang bertemakan "Jom Buka Minda" di Sekolah Kebangsaan (SK) Tebobon, Kota Kinabalu baru-baru ini.

Pengarah Program, Thein Soon Loi berkata, Program Pasca UPSR itu adalah bertujuan untuk memberi perkongsian dan pendedahan awal kepada murid tahun 6 SK Tebobon mengenai alam persekolahan sekolah menengah.

"Program tersebut berlangsung dari pukul 7.30 pagi hingga 3.30 petang dan dihadiri seramai 45 pelajar dari sekolah rendah ini.

"Terdapat pelbagai aktiviti yang diadakan seperti senamrobik, perkongsian pengalaman dan ilmu mengenai alam sekolah menengah, pendedahan mengenai kes buli dalam sekolah,

latihan dalam kumpulan yang diiringi oleh ahli-ahli Kursus Pengurusan Organisasi Pelajar serta aktiviti 'Polar Bear,'" katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Thein, aktiviti-aktiviti itu dijalankan bagi menerapkan amalan kerjasama dalam kalangan murid sekali gus mengeratkan hubungan silaturahim sesama mahasiswa dalam Kursus Pengurusan Organisasi Pelajar Seksyen 5 dengan murid-murid SK Tebobon.

"Kita mengharapkan agar program ini dapat menjadi titik tolak untuk murid-murid membuat persediaan sebelum melangkah ke peringkat sekolah menengah pada tahun hadapan," tambahnya.

Hadir sama Pensyarah Kursus Pengurusan Organisasi Pelajar Seksyen 5, Mohd. Hilmey Saili dan Penolong Kanan Kokurikulum SK Tebobon, Ag. Idris Sulaiman.



ALBUM KENANGAN ... Mahasiswa UMS bergambar kenangan bersama pelajar tahun 6 SK Tebobon.